

21/10/1998

Langkah kurangkan beban peminjam

don Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Langkah Bank Negara Malaysia (Bank Negara) menurunkan kadar pinjaman asas bank perdagangan daripada 12.3 kepada 8.5 peratus setahun, membantu mengurangkan beban peminjam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, Bank Negara juga mulai Januari lalu, mengarahkan institusi perbankan memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman perumahan bagi meringankan beban ansuran bulanan akibat kenaikan kadar faedah.

"Had maksimum margin pembiayaan sebanyak 60 peratus ke atas pinjaman pembelian rumah kediaman, pangsapuri serta rumah kedai dan tanah bagi apa jua tujuan turut dimansuhkan.

"Institusi perbankan kini bebas menetapkan margin pembiayaan yang bersesuaian berdasarkan penilaian kredit peminjam," katanya dalam jawapan bertulis kepada Dr G Leelavathi (BN-Kapar).

Dr Leelavathi ingin mengetahui rancangan Kementerian Kewangan bagi meringankan beban rakyat dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Dr Mahathir berkata, Bank Negara tidak mengehadkan tempoh bayaran balik pinjaman perumahan.

"Tempoh bayaran balik pinjaman bergantung kepada keupayaan seseorang peminjam membayar ansuran bulanan, umur dan tempoh pekerjaan," katanya.

Beliau berkata, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membenarkan ahli mengeluarkan simpanan akaun perumahan atau 30 peratus daripada simpanan keseluruhan, untuk membeli atau membina rumah dan mengurang atau menyelesaikan baki pinjaman perumahan.

Menurutnya, ahli juga boleh mengeluarkan simpanan daripada akaun perumahan setiap lima tahun untuk mengurang dan menyelesaikan baki pinjaman perumahan.

"Tujuan mengehadkan ahli hanya mengeluarkan simpanan daripada akaun perumahan adalah untuk memastikan ahli mempunyai jumlah simpanan yang mencukupi ketika bersara," katanya.

Perdana Menteri berkata, kakitangan awam pula boleh membuat pinjaman 100 peratus daripada harga rumah atau jumlah kelayakan mengikut mana yang terendah dalam tempoh bayaran balik sehingga 25 tahun.

Bagi rumah kos rendah pula tempoh bayaran sehingga 30 tahun tanpa mengira had umur.

(END)